

**SULIT**

---



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2017/2018

Mei/Jun 2018

### **HMT507 – Isu Semasa Bahasa Melayu**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT (4) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**ARAHAN:**

1. Pastikan bahawa kertas soalan ini mengandungi EMPAT (4) soalan.
2. Jawab **SEMUA** soalan.
3. Anda dikehendaki menyerahkan kedua-dua kertas soalan dan buku jawapan. Kertas soalan dan buku jawapan hendaklah diikat bersama.

...2/-


**SULIT**

- 2 -

Jawab **SEMUA** soalan

1. Jawab soalan [a] dan [b].

Berdasarkan Rajah 1, Aras Taksonomi Kognitif Bloom oleh Lorin Anderson/Krathwohl (2001), bincangkan tentang aras mengingati hingga ke aras mengaplikasi bagi kaedah-kaedah dan modul-modul bacaan fonetik Bahasa Melayu peringkat awal kanak-kanak yang berikut:



Sumber: Diubahsuai daripada Lorin Anderson/Krathwohl (2001)

- [a] Kaedah bacaan fonetik buku *Bacalah Anakku* oleh Nik Eliani Nik Nawi dan Othman Ahmad (1997).

[13 markah]

- [b] Kaedah bacaan fonetik buku *Bacaan Pintar* oleh Tajul Aripin Kassin (2011).

[12 markah]

...3/-

**SULIT**

- 3 -

2. Jawab SAMA ADA soalan [a] ATAU [b] ATAU [c] ATAU [d].

Dengan merujuk kepada beberapa kajian yang relevan,uraikan isu dan penyelesaiannya tentang hal yang berikut:

SAMA ADA

- [a] penggunaan imbuhan *memper-* dan *memper-kan* dengan kata adjektif

ATAU

- [b] penggunaan kata ganti *ia* dan *ianya*

ATAU

- [c] pemisah objek dengan kata kerja transitif

ATAU

- [d] pengulangan frasa nama yang mengikuti kata bilangan tak tentu

[25 markah]

3. Jawab soalan [a] dan [b].

Bincangkan secara kritis masalah yang mencabar para penyelidik dan ahli patologi bahasa dan pertuturan berkenaan dengan klasifikasi dan intervensi bagi kanak-kanak dan individu dewasa yang mengalami masalah kecelaruan bahasa dan pertuturan berdasarkan isu-isu utama yang berikut:

- [a] klasifikasi kecelaruan bahasa dan pertuturan dari segi usia permulaan kecelaruan, peringkat keseriusan, etiologi, defisit psikolinguistik, pendekatan penilaian dan simptomatologi linguistik

[15 markah]

- [b] pendekatan intervensi khusus bagi subkelompok tertentu

[10 markah]

...4/-

- 4 -

4. Jawab soalan [a], [b] dan [c].

- [a] Berdasarkan Sinclair (1991),uraikan dengan kritis perkara-perkara yang perlu diambil kira dalam mereka bentuk korpus untuk kajian linguistik korpus.

[10 markah]

- [b] Berdasarkan jawapan anda untuk [a] di atas, bincangkan dengan kritis nilai korpus Bahasa Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka dalam mengkaji perkataan pinjaman dalam bahasa Melayu.

[8 markah]

- [c] Dengan SATU contoh yang khusus, perincikan bagaimana linguistik korpus dapat digunakan dalam pengajian bahasa Melayu kini.

[7 markah]

- oooOooo -